

## Kajian Terhadap Keberkesanan Sistem Penasihat Akademik (SPAk) Sesi Jun 2019 di Politeknik Banting Selangor (PBS)

Nurulhuda Binti Khalid<sup>a1\*</sup>

Hanis Rasyidah Binti Dollah@Abdullah<sup>a2\*</sup>

Nor Fairuz Hayati Binti Amir<sup>a3\*</sup>

POLITEKNIK BANTING SELANGOR

nurulhuda\_khalid@polibanting.edu.my, hanis@polibanting.edu.my & nor\_fairuz@polibanting.edu.my

### Abstrak

Sistem Penasihat Akademik (SPAk) adalah satu kaedah pengurusan pelajar di mana seorang pensyarah dilantik sebagai Penasihat Akademik dan membantu pelajar dalam pembangunan akademik dan diri pelajar sepanjang sesi pengajiannya. Kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan SPAk terhadap pelajar di Politeknik Banting Selangor (PBS) pada sesi Jun 2019. Politeknik menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP) yang merupakan satu platform untuk merekodkan pelbagai maklumat berkaitan pelajar sepanjang semester berlangsung. Melalui SPMP juga, kajian terhadap keberkesanan sistem penasihat akademik dijalankan melalui menu Pengurusan Penasihat Akademik (iPAD). Setiap minggu, perjumpaan Penasihat Akademik dan pelajar dilaksanakan dalam tempoh satu jam seminggu mengikut waktu yang telah ditetapkan di dalam jadual waktu. Bagi melihat keberkesanan sistem SPAk, pelajar membuat penilaian pada minggu ke 14 pada setiap semester. Kajian ini melibatkan seramai 480 orang responden yang merupakan pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Penyelenggaraan Pesawat (JPP). Kajian kuantitatif berbentuk deskriptif ini menggunakan borang soal selidik berskala likert sebagai instrument kajian. Soalan berkaitan penilaian terhadap SPAk, penilaian terhadap PA dan impak kepada pelajar adalah menggunakan soal selidik yang telah sedia dibangunkan didalam iPAD, SPMP. Hasil kajian yang dijalankan didapati bahawa nilai keseluruhan purata bagi penilaian terhadap SPAk adalah 4.21, penilaian terhadap PA adalah 4.28 dan impak kepada pelajar adalah 4.25. Dapatan ini jelas memperlihatkan keberkesanan SPAk di PBS pada sesi Jun 2019 dan PA merupakan penggerak yang memainkan peranan penting bagi memastikan SPAk dapat membentuk pelajar yang cemerlang akademik dan juga mempunyai sahsiah diri yang baik.

@ 2020 Published by JOJAPS Limited

**Kata kunci:** SPAk, Penasihat Akademik, keberkesanan

### 1. Pengenalan

Sistem Penasihat Akademik (SPAk) adalah satu kaedah pengurusan pelajar melalui seorang pensyarah yang dilantik menjadi Penasihat Akademik bagi satu kumpulan pelajar. Sistem ini bukan sahaja digunapakai di politeknik, malah di universiti. Dengan adanya SPAk, pelajar dibantu oleh PA dalam merancang struktur pembelajaran sepanjang pengajian dan penglibatan dalam aktiviti- aktiviti ke arah meningkatkan prestasi akademik dan potensi diri. Selain itu, PA juga membantu pelajar dalam mengenalpasti perkembangan dan pencapaian hasil pembelajaran setiap semester. Kepelbagaian cabaran dalam kehidupan di peringkat awal dewasa akan sedikit sebanyak menguji keupayaan pelajar dalam membuat keputusan. Dalam suasana pembelajaran yang kian mencabar kini, pelajar terdedah dengan pelbagai jenis maklumat. Bimbingan PA akan membantu pelajar untuk tidak tersasar dari landasan.

Di politeknik, SPAk bernaung dibawah Timbalan Pengarah Akademik (TPA) dan diuruskan oleh Penyelaras Penasihat Akademik Politeknik (PPAP) dengan dibantu oleh Penyelaras Penasihat Akademik Jabatan (PPAJ), Pegawai Psikologi/Kaunselor (PPsi), Pegawai Teknologi Maklumat dan Pegawai *Collaboration, Industrial Services and Employment Centre* (CISEC). Sistem ini diwujudkan bertujuan untuk membina perhubungan yang sistematik dari pihak pengurusan akademik kepada pelajar dari segi bimbingan, nasihat dan perbincangan berkenaan isu-isu akademik bersama Penasihat Akademik yang dilantik. Secara tidak langsung, SPAk membantu pelajar bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik, malah dapat membentuk sahsiah diri dan sikap bertanggungjawab.

Selain dari bantuan dan bimbingan dari segi akademik, melalui SPAk pelajar dilatih untuk berdikari dan mengurus diri. Dengan cara ini, pelajar akan berfungsi sebagai individu yang bertanggungjawab. Sekiranya pelajar dibebani masalah dan tekanan, PA boleh memberi peluang kepada pelajar untuk meluahkan perasaan atau jika ia diluar kemampuan PA untuk menangani perkara tersebut, pelajar boleh dirujuk ke Pegawai Psikologi bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Setiap pelajar yang mendaftar ke Politeknik Banting Selangor akan diletakkan dibawah jagaan seorang Penasihat Akademik (PA) yang merupakan seorang pensyarah sama ada dari jabatan induk iaitu Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan Jabatan Penyelenggaraan Pesawat (JPP) atau jabatan sokongan iaitu Jabatan Matematik Sains dan Komputer (JMSK) dan Jabatan Pengajian Am (JPA). PA yang dilantik oleh Ketua Jabatan akan dirujuk oleh pelajar sepanjang tempoh pengajian berkaitan akademik dan pembangunan diri. Tugas PA akan bermula sebaik pelajar mendaftar di mana proses penerimaan dan penyemakan dokumen akan dibuat oleh PA di meja pendaftaran. Sepanjang tempoh pengajian, PA akan berjumpa dengan pelajar selama satu jam melalui perjumpaan PA mengikut waktu yang telah ditetapkan di dalam jadual waktu. Pada minggu ke 14, pelajar akan dimaklumkan untuk membuat penilaian ke atas SPAk.

### **1.1 Penyataan Masalah**

Setiap semester SPAk dilaksanakan melalui perjumpaan diantara Penasihat Akademik yang dilantik dan satu kumpulan pelajar yang lazimnya diagihkan mengikut kelas semester 1 sekitar 30 hingga 40 orang pelajar di dalam satu kelas. Setiap kali perjumpaan diadakan, kehadiran diambil bagi memantau penglibatan pelajar. Pelajar yang bermasalah atau memerlukan ruang masa selain dari waktu perjumpaan yang ditetapkan, boleh berjumpa atau menghubungi PA mengikut masa yang dipersetujui. Namun, sejauhmana SPAk memberi kesan kepada pelajar setelah satu semester berlangsung tidak diketahui sekiranya analisa tidak dilaksanakan. Oleh itu, bagi memastikan sistem ini memberikan impak positif kepada pelajar, satu penilaian SPAk telah dijalankan diakhir semester. Melalui penilaian ini, analisis keberkesanan SPAk dapat dilaksanakan.

### **1.2 Objektif Kajian**

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat keberkesanan Sistem Penasihat Akademik pada sesi Jun 2019 di Politeknik Banting Selangor. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa objektif telah ditetapkan iaitu:

- i. Mengenalpasti kekerapan pertemuan / komunikasi diantara PA dan pelajar
- ii. Mengenalpasti penilaian pelajar terhadap Sistem Penasihat Akademik
- iii. Mengenalpasti penilaian pelajar terhadap Penasihat Akademik
- iv. Mengenalpasti impak mempunyai Penasihat Akademik kepada pelajar

### **2. Kajian Literasi**

SPAk telah diperkenalkan di politeknik sejak tahun 2004 bertujuan untuk membangunkan personaliti unggul bagi mencapai kecemerlangan akademik, kemahiran generik dan kesediaan sendiri dalam kerjaya (Buku Panduan SPA Edisi 2016). Penekanan yang diutamakan adalah berkenaan pembelajaran dan pencapaian akademik ke arah kecemerlangan pelajar. Kebanyakan pelajar yang memasuki peringkat pengajian yang lebih tinggi, akan menghadapi pelbagai masalah. SPAk dapat membantu pelajar mengurangkan masalah tersebut sama ada berkaitan akademik atau masalah peribadi (Absullah & Wan Zainura, 2010). Isu ini disokong oleh Tee (2017) dalam penulisannya yang menyatakan peranan penasihat akademik juga penting dalam membantu pelajar menguasai kursus kejuruteraan dan melalui hasil dapatan kajiannya, 94.2% responden bersetuju. Melalui kajian yang dihasilkan oleh Samia, Laila & Joao (2020), penasihat akademik merupakan kerja yang memakan masa. Dalam masa yang sama, perlu cekap dan produktif dalam membantu pelajar untuk memilih kursus akademik yang bersesuaian sehingga selesai pengajian dengan cara yang bermanfaat. Penasihat akademik juga adalah suatu proses interaktif yang melibatkan pelajar dan penasihat akademik dengan tujuan untuk memajukan pelajar melalui program pendidikan dalam tempoh masa yang betul.

Merujuk kepada penulisan Yuko & Amy (2017) pula menyatakan bahawa fungsi penasihat akademik adalah bekerja dibelakang tabir untuk membantu kecemerlangan akademik pelajar. Selain itu, penasihat akademik juga perlu mempunyai pengetahuan yang luas dan peka terhadap perkembangan industri bagi membantu pelajar semester akhir membuat pilihan syarikat yang bersesuaian untuk menjalani latihan industri. Ini kerana, latihan industri merupakan pendedahan awal kepada pelajar dalam bidang pekerjaan sebenar dan sekiranya syarikat berpuashati dengan kemahiran, kebolehan dan sahsiah diri yang dimiliki pelajar, peluang untuk mendapatkan pekerjaan adalah lebih cerah sekaligus mengharumkan nama politeknik.

### **3. Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dimana mengaplikasikan instrumen soal selidik bagi mengenalpasti keberkesanan SPAk. Responden terdiri daripada pelajar semester 1 hingga semester 5 bagi sesi Jun 2019 bagi dua jabatan induk di Politeknik Banting Selangor iaitu seramai 262 orang pelajar di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) dan 218 orang pelajar Jabatan Penyelenggaraan Pesawat (JPP).

Kaedah menjawab soal selidik adalah melalui soalan Penilaian Keberkesanan Sistem Penasihat Akademik yang telah sedia dibangunkan di bahagian Pengurusan Penasihat Akademik (iPA) di dalam SPMP. Responden menjawab soal selidik tersebut secara atas talian dengan cara login ke SPMP dan masuk ke menu iPA untuk membuat penilaian.

### 3.1 Instrumen Kajian

Pada minggu ke 14 setiap semester, PPAP akan memaklumkan kepada PPAJ dan PA untuk memantau agar pelajar membuat penilaian dalam tempoh yang telah ditetapkan. Soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian. Bahagian pertama adalah kekerapan pertemuan atau komunikasi diantara PA dan pelajar, dan bahagian kedua adalah penilaian pelajar terhadap SPAk, PA dan impak mempunyai PA kepada pelajar. Terdapat 17 item yang perlu dinilai dan kaedah yang digunakan adalah menggunakan skala likert seperti yang ditunjukkan di Jadual 1.

| Tahap                  | Skor |
|------------------------|------|
| Sangat setuju          | 5    |
| Setuju                 | 4    |
| Sederhana              | 3    |
| Tidak bersetuju        | 2    |
| Sangat tidak bersetuju | 1    |

**Jadual 1:** Skala Likert

## 4. Dapatan Kajian

Seramai 262 orang pelajar JKM dan 218 orang pelajar JPP terlibat dalam kajian ini di mana secara keseluruhannya adalah 480 orang pelajar telah membuat penilaian. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Microsoft Excel bagi mendapatkan nilai peratus bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas.

| Jabatan       | Bilangan   | Peratusan   |
|---------------|------------|-------------|
| JKM           | 262        | 54.6%       |
| JPP           | 218        | 45.4%       |
| <b>Jumlah</b> | <b>480</b> | <b>100%</b> |

**Jadual 2:** Bilangan pelajar yang membuat penilaian

### 4.1 Analisis Penilaian Keberkesanan Sistem Penasihat Akademik

Keberkesanan adalah perihal berkesan, berkesannya (sesuatu tindakan, perubahan dan sebagainya) (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Ia merupakan hasil yang menyebabkan sesuatu perubahan berlaku ke atas pemikiran dan seterusnya membawa kepada perubahan tingkahlaku, minat dan sebagainya. Sepanjang satu semester, PA dan pelajar berinteraksi diantara satu sama lain untuk pelbagai urusan dan melalui interaksi ini, pelajar mendapat gambaran berkenaan SPAk. Oleh itu, kekerapan pertemuan atau komunikasi diantara PA dan pelajar akan memberi sedikit sebanyak kesan terhadap hasil penilaian.

#### 4.1.1 Kekerapan pertemuan / komunikasi diantara PA dan pelajar

Merujuk kepada Jadual 3, terdapat tiga kaedah interaksi yang diambil kira iaitu perjumpaan secara bersemuka, melalui telefon dan melalui media sosial. Diantara ketiga-tiga kaedah tersebut, komunikasi melalui telefon merupakan kaedah yang paling kerap digunakan itu seramai 118 orang pelajar menghubungi PA lebih dari 15 kali.

| Item                        | Skor kekerapan |       |       |         |                    |
|-----------------------------|----------------|-------|-------|---------|--------------------|
|                             | Tidak pernah   | 1 – 4 | 5 – 9 | 10 – 14 | Lebih dari 15 kali |
| Perjumpaan Secara Bersemuka | 0              | 192   | 100   | 108     | 80                 |
| Melalui Telefon             | 7              | 221   | 61    | 73      | 118                |
| Melalui Media Sosial        | 92             | 264   | 45    | 31      | 48                 |

**Jadual 3:** Analisis kekerapan pertemuan / komunikasi PA dan pelajar

#### 4.1.2 Penilaian pelajar terhadap SPAk

Sebanyak lapan soalan berkaitan SPAk bagi melihat keberkesanan sistem ini dilaksanakan. Hasil dapatan menunjukkan item

bagi “SPAk merupakan inisiatif sokongan ke arah pembentukan pelajar yang berilmu, bertanggungjawab, berkebolehan dan berdaya saing” memiliki peratusan skor sangat bersetuju yang paling tinggi berbanding item yang lain iaitu 49.59%. Begitu juga dengan nilai purata tertinggi adalah item yang sama dengan nilai purata 4.25. Item dengan nilai purata terendah 4.18 adalah “SPAk membantu saya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dengan pelbagai cara”. Nilai peratusan bagi setiap skor dan purata berkenaan SPAk adalah seperti Jadual 4 dibawah.

| Bil | Item                                                                                                                         | — | 1  | 2     | <u>Skor</u><br>3 | 4      | 5      | Purata |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|----|-------|------------------|--------|--------|--------|
| 1.  | SPAk membantu saya dalam membangunkan kemahiran serta strategi belajar yang betul bagi mencapai hasil pembelajaran           |   | 0% | 0.20% | 24.40%           | 28.43% | 46.98% | 4.22   |
| 2.  | SPAk membantu saya dalam membina matlamat diri                                                                               |   | 0% | 0.40% | 26.01%           | 28.23% | 45.36% | 4.19   |
| 3.  | SPAk membantu saya meningkatkan motivasi                                                                                     |   | 0% | 0.61% | 25.81%           | 27.24% | 46.34% | 4.19   |
| 4.  | SPAk membantu saya dalam meningkatkan kemahiran komunikasi dengan pelbagai cara                                              |   | 0% | 0.20% | 27.96%           | 25.92% | 45.92% | 4.18   |
| 5.  | SPAk membantu saya dalam mematuhi peraturan Politeknik                                                                       |   | 0% | 0.40% | 24.70%           | 26.92% | 47.98% | 4.22   |
| 6.  | SPAk dapat menyelamatkan saya daripada lalai terhadap objektif utama saya berada di Politeknik                               |   | 0% | 0.20% | 25.40%           | 26.81% | 47.58% | 4.22   |
| 7.  | SPAk membantu saya dalam hal-hal akademik, pembangunan dan kesediaan diri untuk menempuh alam kerjaya                        |   | 0% | 0.20% | 26.32%           | 26.52% | 46.96% | 4.20   |
| 8.  | SPAk merupakan inisiatif sokongan ke arah pembentukan pelajar yang berilmu, bertanggungjawab, berkebolehan dan berdaya saing |   | 0% | 0%    | 25.00%           | 25.41% | 49.59% | 4.25   |

Jadual 4: Penilaian pelajar terhadap SPAk

#### 4.1.3 Penilaian pelajar terhadap PA

Lima soalan berkenaan Penasihat Akademik diajukan dan hasil dapatan menunjukkan bahawa item “Nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh PA amat berguna” merupakan skor sangat bersetuju tertinggi berbanding item yang lain iaitu 53.46% dan memiliki nilai purata tertinggi bersama item “PA menerangkan kepada saya dengan jelas objektif dan aktiviti yang ingin dicapai pada setiap sesi pertemuan” iaitu 4.33. Ini menunjukkan bahawa PA telah menjalankan tugas sebaiknya dengan memberikan informasi, nasihat dan bimbingan yang sewajarnya kepada pelajar dibawah seliaannya. Nilai peratusan bagi setiap skor dan purata berkenaan PA adalah seperti Jadual 5.

| Bil | Item                                                                                                        | - | 1     | 2     | <u>Skor</u><br>3 | 4      | 5      | Purata |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|-------|-------|------------------|--------|--------|--------|
| 1.  | PA memperuntukkan waktu temujanji bersama saya                                                              |   | 0.20% | 0%    | 25.71%           | 30.16% | 43.93% | 4.18   |
| 2.  | PA menerangkan kepada saya dengan jelas objektif dan aktiviti yang ingin dicapai pada setiap sesi pertemuan |   | 0%    | 0%    | 20.20%           | 26.53% | 53.27% | 4.33   |
| 3.  | PA membantu saya dalam merancang pengurusan masa berpanduan kepada masa pembelajaran (SLT)                  |   | 0%    | 0.20% | 23.58%           | 25.61% | 50.61% | 4.27   |
| 4.  | PA menjadi pendengar yang baik dan prihatin terhadap soal akademik dan masalah yang saya hadapi             |   | 0%    | 0%    | 22.65%           | 25.31% | 52.04% | 4.29   |
| 5.  | Nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh PA amat berguna                                                   |   | 0%    | 0.20% | 19.72%           | 26.63% | 53.46% | 4.33   |

Jadual 5: Penilaian pelajar terhadap PA

#### 4.1.4 Impak kepada pelajar

Sebanyak empat soalan merupakan impak SPak kepada pelajar bagi melihat kesan setelah satu semester pelajar dibantu oleh PA dari pelbagai aspek. Hasil dapatan menunjukkan peratusan tertinggi adalah untuk item “Saya sangat memerlukan PA sepanjang pengajian saya di Politeknik” iaitu 53.48% dan memiliki nilai purata tertinggi iaitu 4.33. Jelas disini bahawa pelajar memerlukan bimbingan dan bantuan PA sepanjang tempoh pengajian bagi membantu pelajar menyeimbangkan akademik dan sahsiah diri. Item dengan purata terendah adalah item “*Saya selesa untuk menceritakan masalah berkaitan akademik dan peribadi kepada PA*” iaitu 4.18. Nilai peratusan bagi setiap skor dan purata berkenaan PA adalah seperti Jadual 6.

| Bil | Item                                                                               | - | 1     | 2     | <u>Skor</u><br>3 | 4      | 5      | Purata |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------|---|-------|-------|------------------|--------|--------|--------|
| 1.  | Saya sangat memerlukan PA sepanjang pengajian saya di Politeknik                   |   | 0%    | 0.20% | 20.08%           | 26.23% | 53.48% | 4.33   |
| 2.  | Saya selesa untuk menceritakan masalah berkaitan akademik dan peribadi kepada PA   |   | 0.20% | 0.60% | 27.22%           | 25.20% | 46.77% | 4.18   |
| 3.  | Saya mempraktikkan teguran dan nasihat yang diberikan oleh PA                      |   | 0%    | 0%    | 22.78%           | 27.62% | 49.60% | 4.27   |
| 4.  | Prestasi akademik saya semakin baik setelah mendapat nasihat dan bimbingan dari PA |   | 0%    | 0%    | 25.91%           | 27.33% | 46.76% | 4.21   |

**Jadual 6:** Impak kepada pelajar

## 5. Kesimpulan

SPak merupakan satu sistem yang dibangunkan untuk membantu pelajar agar seimbang dari aspek akademik dan sahsiah diri. Bagi melaksanakan tujuan ini, seorang pensyarah dilantik sebagai PA kepada sekumpulan pelajar mengikut kelas. Peranan PA adalah sangat besar dalam menentukan keberkesanan SPak. Melalui kajian ini, keberkesanan SPak dapat dilihat di Politeknik Banting Selangor pada sesi Jun 2019. Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai keseluruhan purata bagi penilaian terhadap SPak adalah 4.21, penilaian terhadap PA adalah 4.28 dan impak kepada pelajar adalah 4.25. Dari dapatan ini, PA memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan keberkesanan SPak. Ini kerana interaksi yang baik diantara PA dan pelajar akan dapat membantu menjayakan SPak sekaligus membantu pelajar bukan sahaja cemerlang dari aspek akademik, malah dapat membentuk sahsiah diri dan meningkatkan potensi diri pelajar dalam bidang yang diceburi.

## 6. Rujukan

- Absullah Sulong & Wan Zainura Wan Yusof (2010), “Pengaruh Sistem Penasihat Akademik Terhadap Tahap Pencapaian Akademik Pelajar”, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hartati Wiji Wahyuni (2006), Pengaruh Gaya dan Aktiviti Penasihat Akademik Terhadap Keberkesanan Perlaksanaan Sistem Penasihat Akademik”, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Tinggi (Edisi 2016), “Buku Panduan Sistem Penasihat Akademik (SPak) Politeknik Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi Edisi 2016”.
- Jalynn Roberts & Ronald Styron (2010), “Student Satisfaction and Persistence: Factors Vital to Student Retention”, The University of Southern Mississippi.
- Mohd Ghadafi Bin Shari, Mohd Fazrin Bin Hamdan & Mohd Yusof Bin Tawang (2019), “Faktor-faktor Ponteng Kuliah di Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah”, Politeknik METRO Johor Bahru.
- Noriadah Abdul Karim, Hamdan Said, Norashuha Tajuddin, Tee Tiam Chai, Nguyen Thuy Van, Ros Ilyani Rosdi & Mohd Rustam Mohd Rameli (2013), “Kepuasan Pelajar Terhadap Penasihat Akademik”, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sabri Saep, Hafizah Abdullah & Azmiah Aziz (2018), “Pengautomasian Sistem Penilaian Penasihat Akademik Kepada Sistem Atas Talian di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin”, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.
- Samia Loucif, Laila Gassoumi & Joao Negreiros (2020), “Considering Students’ Abilities in The Academic Advising Process”, Zayed University & TechnipFMC, Abu Dhabi.
- Tee Lian Yong (2017), “Kegagalan Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam dalam Menguasai Kursus Kejuruteraan”, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah.
- Yuko Ikegami Lee & Amy Scott Metcalfe (2017), “Academic Advisor and Their Diverse Advisees: Towards More Ethical Global Universities”, University of British Columbia





